

04 SEP 1997

KHAZANAH NASIONAL AKAN TERBIT BON RM3 BILION UNTUK BANTU PASARAN

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Khazanah Nasional Bhd, cabang pelaburan kerajaan, akan menerbitkan bon bernilai RM3 bilion pertengahan bulan ini, sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyokong pasaran saham melalui dana berjumlah RM60 bilion.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bon itu akan diterbitkan secara berperingkat-peringkat dan akan berasaskan perbankan Islam, perbankan konvensional dan melalui bentuk-bentuk lain.

Khazanah Nasional akan menguruskan bon tersebut bersama dengan sebuah lagi agensi yang akan diputuskan kemudian, katanya kepada pemberita semasa waktu rehat perhimpunan agung Pemuda dan Wanita UMNO di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa dana itu akan digunakan untuk membeli saham-saham daripada pelabur-pelabur tempatan pada premium.

Anwar menjelas dengan lebih lanjut bahawa premium itu berdasarkan pada "perjanjian biasa" antara penyumbang-penyumbang dana dan pelabur-pelabur berkenaan.

Ditanya mengenai dakwaan oleh sesetengah penganalisis bahawa premium itu adalah 30 peratus, katanya terdapat kesilapan dilakukan dalam unjuran seumpamannya.

Anwar berkata langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyokong pasaran tempatan itu bermaksud untuk memberikan kelegaan kepada syarikat-syarikat dan pelabur-pelabur yang menghadapi masalah sementara daripada keadaan pasaran dan harga yang muram sekarang.

"Pihak berkuasa kawal seliaan kerajaan prihatin tentang betapa perlunya mengembangkan keyakinan yang cukup dan mendorong aktiviti yang bertambah dalam ekonomi dan tidak akan mengambil langkah-langkah yang tidak sempurna yang akan menjejaskan tahap keyakinan," katanya.

Apabila ditanya mengenai ringgit yang susut nilai, Anwar berkata beliau yakin terhadap ramalan masa depan jangka sederhana dan panjang ekonomi.

"Dalam jangka sederhana dan panjang, ekonomi perlu diubah suai mengikut fundamental," kata beliau.

Misalnya, kerajaan sedang mengambil langkah yang tegas untuk mengurangkan import dengan mengarahkan agensi-agensi dan syarikat-syarikat supaya memperoleh di dalam negeri.

"Ini adalah langkah-langkah segera dan selebihnya akan diumumkan semasa Belanjawan," tambah Anwar.

Anwar juga menyeru bank, institusi kewangan dan firma broker saham supaya bekerja sama dan memahami sepenuhnya kedudukan pasaran semasa dengan melonggarkan sesetengah daripada syarat mereka.

Katanya bank tidak harus terlalu ketat atau mengambil peluang dengan menguat kuasakan panggilan marjin kerana bank telahpun meraih keuntungan.

"Kita tidak memerlukan sebarang dana khas daripada bank, kita cuma mahu mereka memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan tidak menekan syarikat-syarikat," katanya apabila ditanya sama ada bank akan diwajibkan menyumbang kepada dana menyelamatkan pasaran saham.

Mengenai sama ada sekatan pinjam ke atas pembelian saham dan harta yang diperkenalkan April lalu akan dibatalkan, katanya peraturan itu masih berkuat kuasa.

Mengenai isu rakyat Malaysia yang membantu manipulator di pasaran saham, Anwar berkata beliau berpuas hati bahawa tidak terdapat bukti yang peniaga-peniaga tempatan melanggar peraturan itu,

Katanya tidak terdapat asas bagi khabar angin yang beberapa tokoh bank dan broker saham ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). --
BERNAMA

AD SHO OS MA